



TATAAMALAN

untuk

Optometris dan Juruoptik

CODE OF PRACTICE

for

Optometrist and Opticians

KATA-KATA ALUAN

Adalah amat merangsangkan untuk melihat hasil kerjasama antara tiga persatuan yang terlibat dengan bidang penjagaan mata di Malaysia. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Persatuan Optometris-Optometris Malaysia (AMO), Persatuan Pengusaha-Pengusaha Cermin Mata Malaysia (MAPO) dan Persatuan Optik Malaysia (MOA) atas penyediaan Tataamalan bagi profession optik ini.

Dengan pendaftaran juruoptik dan optometris di negara ini, orang ramai mengharapkan penjagaan mata yang berkualiti tinggi. Profesion ini perlu sedar akan keperluan orang ramai dan berusaha untuk memenuhi kehendak mereka.

Saya berharap dengan adanya Tataamalan ini, ahli-ahli profesion optik akan dapat dibimbing ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan mereka. Dengan ini, imej profesion terpelihara dan perkhidmatan penjagaan mata diberi dengan lebih efektif, beretika dan profesional.

Majlis Optik Malaysia menghendaki profesion optik sentiasa menjaga standard profesionalisme berada di tahap yang tinggi. Demi mencapai matlamat ini, Majlis berharap ahli-ahli profesion bukan sahaja memegang teguh kepada Tataamalan ini bahkan mereka mempraktikkannya.



(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR SULEIMAN)
Pengerusi
Majlis Optik Malaysia

KANDUNGAN

1. Kelakuan Profesional
 - 1.1 Integriti Profesional
 - 1.2 Hubungan Pesakit-Pengamal
2. Penjualan dan pembekalan alat-alat optik
3. Penggunaan deskripsi dan gelaran
 - 3.1 Penggunaan gelaran dan kelulusan
 - 3.2 Penggunaan kepala surat
 - 3.3 Nama-nama perniagaan
 - 3.4 Penggunaan Tanda Nama dan Kad Pengenalan Profesional
 - 3.5 Praktis-praktis yang dipunyai oleh "Lay people"
4. Preskripsi, Pemasangan dan pembekalan kanta lekap
 - 4.1 Prinsip-prinsip yang berhubung dengan kerja kanta lekap
 - 4.2 Tanggungjawab untuk kerja-kerja kanta lekap
5. Penggunaan dadah-dadah diagnostik
 - 5.1 Keperluan penjagaan
6. Peraturan-peraturan publisiti
 - 6.1 Publisiti secara am
 - 6.2 Akhbar atau profesional perniagaan
 - 6.3 Suratkhbar, majalah dan direktori
 - 6.4 Surat-surat peringatan dan servis
 - 6.5 Pekeliling, Buku kecil, Risalah dan Pamflet
 - 6.6 Pameran
 - 6.7 Televisyen, radio dan redifusion
 - 6.8 Kad diskaun, papan iklan, banner
 - 6.9 Bentuk-bentuk pengiklanan yang lain
7. Penjualan peralatan optikal di tepi jalan.

PENGENALAN – TATAAMALAN

Tataamalan ini diwujudkan untuk meninggikan taraf profesion dan pendidikan di kalangan Optometris dan Juruoptik. Kandungannya telah dipersetujui oleh 3 pertubuhan Optometri/Optikal yang utama di negara ini. Ahli-ahli profesion seharusnya mematuhi tataamalan ini seperti yang disyorkan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri dari anggota-anggota Majlis Optik Malaysia.

1. KELAKUAN PROFESIONAL

1.1 INTEGRITI PROFESIONAL

1.1.1 Adalah penting dan menjadi tanggungjawab setiap pengamal untuk meletakkan kebajikan setiap pesakit melebihi perkara-perkara lain, serta menumpukan sepenuhnya pengetahuan dan kepakaran mereka kepada pesakit-pesakit.

1.1.2 Pengawalan integriti profesional adalah sentiasa menjadi tanggungjawab setiap pengamal individu, walau di mana dan bagaimana mereka menjalankan praktis. Oleh itu, mereka seharusnya memahami bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk melakukan apa sahaja yang difikirkan perlu dalam pengetahuan profesion mereka untuk setiap pesakit. Keadaan praktis mereka juga tidak seharusnya menghalang atau mengganggu perhubungan individu antara pesakit dan pengamal.

1.2 HUBUNGAN PESAKIT-PENGAMAL

1.2.1 Hubungan antara pesakit dan pengamal adalah hubungan antara individu yang berasaskan kepercayaan bersama. Pengamal harus melakukan setiap yang boleh untuk meningkatkan dan memelihara kepercayaan pesakit terhadap mereka serta profesion mereka secara keseluruhannya.

1.2.2 Kepercayaan antara pengamal dan pesakit, yang perlu diujud dan dikekalkan adalah bergantung terutamanya kepada kepakaran profesional sepenuhnya dan jaminan kerahsiaan maklumat, serta persekitaran di mana kepakaran tersebut dijalankan. Ini meliputi peralatan dan perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh pengamal.

1.2.3 Kerahsiaan: Pengamal mesti memelihara kerahsiaan setiap maklumat yang diperolehi dari pesakit dan hanya mendedahkannya dengan kebenaran pesakit atau arahan mahkamah.

1.3 Hubungan Interprofesional-Di dalam praktis profesional, pengamal mesti merujuk sebarang kes abnormaliti yang didapati kepada pakar perubatan yang berkaitan.

2. **PENJUALAN DAN PEMBEKALAN ALAT-ALAT ELEKTRONIK**

2.1 Untuk tujuan penyeliaan penjualan atau pembekalan cermin mata, pengamal haruslah:

- i) mengambil dan merekodkan sendiri pengukuran muka atau menyelia pengambilan dan merekodkan pengukuran-pengukuran tersebut; atau memeriksa pengukuran yang telah di ambil adalah betul dan direkodkan.
- ii) jika pemeriksaan cermin mata yang telah siap tidak dilakukan oleh pengamal sendiri maka adalah menjadi tanggungjawabnya untuk melakukan pemeriksaan tersebut.
- iii) menjalankan pemasangan terakhir atau memastikan yang ianya telah dilakukan dengan baik sendiri, kecuali jika cermin mata itu dihantar secara pos atau dengan cara lain untuk kemudahan pesakit. Dalam kes ini pesakit adalah dinasihatkan supaya datang semula agar pengamal boleh memeriksa pemasangan tersebut.

2.2 Pengamal mesti memastikan di dalam praktisnya sebarang pengendalian alat-alat optik yang dilakukan oleh seorang yang tidak mempunyai kelulusan mesti diselia dengan sempurna di atas pemasangan dan pembekalan secara keseleruhannya.

3. **PENGGUNAAN DESKRIPSI DAN GELARAN**

3.1 **PENGGUNAAN GELARAN DAN KELULUSAN**

Pengamal tidak dibenar menggunakan:

- i) sebarang gelaran selain dari yang berhubung dengan kurniaan umum, ijazah kepujian atau kelulusan profesional atau pengajian.
- ii) apa-apa gelaran melainkan yang berhubung dengan kurniaan umum dan apa-apa kelulusan oleh Majlis sebagai asas untuk pendaftaran atau untuk kemasukkan dalam pendaftaran.

3.2 PENGGUNAAN KEPALA SURAT

Adalah tidak digalakkan sebarang kepala surat yang menyatakan pekerjaan sebagai seorang Optometris atau Juruoptik digunakan selain untuk tujuan praktis atau perniagaan. Sebarang perhubungan yang melibatkan pekerjaan sebagai Optometris atau Juruoptik tidak boleh dilakukan ke atas kertas yang menyatakan aktiviti-aktiviti lain contohnya: ahli kimia atau jauhari. Dengan kata lain, Optometris atau Juruoptik yang mempunyai aktiviti-aktiviti lain, dan ingin menggunakan kepala surat dan sebagainya mesti menggunakan kepala surat, kepala bil dan lain-lain untuk kedua-dua tujuan tersebut, dan memastikan setiap yang melibatkan pekerjaan Optometris atau Juruoptik tidak berkaitan dengan aktiviti-aktiviti tersebut. Ini tidak melibatkan kepala surat yang hanya menyatakan nama-nama individu atau tanpa merujuk kepada kelulusan atau tugas seseorang.

3.3 NAMA-NAMA PERNIAGAAN

Prinsip-prinsip berikut mesti dipakai kepada nama-nama di mana praktis atau perniagaan dijalankan:

- i) Secara umumnya, seorang pengamal dinasihatkan mengamal di bawah namanya sendiri
- ii) Rakan kongsi tidak boleh mengambil nama selain dari satu senarai yang terdiri dari nama semua rakan kongsi yang merupakan Juruoptik/Optometris berdaftar.
- iii) Apabila pengamal tidak mengamal di bawah namanya sendiri (contohnya di mana ia menggunakan gelaran di bawah Pendaftaran Akta Nama Perniagaan), nama tersebut perlu dinyatakan dengan jelas.
- iv) Di mana perkongsian melibatkan rakan kongsi yang tidak berdaftar, perkongsian nama seperti "Optometris" atau Juruoptik tidak boleh digunakan sama ada di praktis atau kertas tulis.

3.4 PENGGUNAAN TANDA NAMA DAN KAD PENGENALAN PROFESIONAL

3.4.1 Tanda nama mesti mengandungi hanya yang berikut;

- i) nama
- ii) kelulusan yang didaftarkan
- iii) gelaran

Pengamal pelawat boleh mempunyai tanda nama sendiri tetapi hari dan waktu menjalankan praktis perlu dicatatkan.

Nama-nama pengamal yang tidak mengamal di klinik tidak boleh dipamerkan.

3.4.2 KAD-KAD PANGGILAN PROFESIONAL

Kad-kad panggilan profesional mesti hanya mengandungi kelulusan profesional yang didaftarkan, anugerah kebangsaan atau peringkat negeri, alamat rumah dan nombor telefon alamat praktis dan nombor telefon. Pengamal kanta lekap berdaftar boleh menambah perkataan konsultan/pengamal kanta lekap di atas kad-kad mereka.

3.5 PRAKTIS-PRAKTIS YANG DIPUNYA OLEH “LAY PEOPLE”

Adalah menjadi tanggungjawab pengamal yang bekerja di praktis yang dipunya oleh “lay people” (contohnya: bukan doktor pihak berkuasa hospital, Optometris/Juruoptik berdaftar) untuk memastikan yang namanya dinyatakan dengan jelas.

4. PRESKRIPSI, PEMASANGAN DAN PEMBEKALAN KANTA LEKAP

4.1 PRINSIP-PRINSIP YANG BERHUBUNG DENGAN KERJA KANTA LEKAP

Pengamal-pengamal kanta lekap berdaftar harus memahami bahawa kepada umum dan risiko yang mereka terima, jika mereka melakukan kerja-kerja kanta lekap tanpa latihan dan pengalaman yang sempurna.

Pengamal kanta lekap berdaftar harus memastikan yang pengetahuan dan kebolehan yang diperolehi didalam kerja-kerja kanta lekap adalah mencukupi sebelum menjalankan praktis kanta lekap.

4.2 TANGGUNGJAWAB UNTUK KERJA-KERJA KANTA LEKAP

Pengamal yang memberikan perkhidmatan kanta lekak mesti bertanggungjawab untuk perkhidmatan tersebut yang meliputi penjagaan selepas pemakaian sama ada oleh dirinya, pekerja-pekerja atau oleh lain-lain pengamal yang digaji untuk perkhidmatan kanta lekak.

5. PENGGUNAAN DADAH-DADAH DIAGNOSTIK

5.1 KEPERLUAN PENJAGAAN

Adalah sewajarnya dan perlu untuk menekankan keperluan penjagaan dan diskriminasi oleh pengamal di dalam penggunaan dadah-dadah diagnostik.

6. PERATURAN-PERATURAN PUBLISITI

6.1 PUBLISITI SECARA AM

Sebarang cara yang memberikan publisiti kepada praktis atau perniagaan yang digunakan oleh Optometris, Juruoptik dan badan-badan korporat mesti terkawal dan bebas dari sebarang rujukan kepada kelicinan melakukan kerja atau kemudahan yang diberi oleh Optometris/Juruoptik yang berdaftar atau badan-badan korporat yang terlibat.

6.2 AKHBAR PERNIAGAAN ATAU PROFESIONAL

Mana-mana Optometris, Juruoptik atau badan-badan korporat boleh mencetak iklan atau lain-lain hal yang berkaitan dengan praktis atau perniagaan di dalam periodikal dan mesti diedarkan terutamanya dikalangan Optometris, Juruoptik, Pengamal perubatan atau mana-mana profesion yang berkaitan dengan perubatan, atau pembuat serta pembekal alat-alat optikal.

6.3 SURATKHBAR, MAJALAH DAN DIREKTORI

6.3.1 Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh menyiarkan di dalam periodikal direktori atau suratkhbar pengumuman atau iklan, dan adalah dicadangkan iklan atau pengumuman menyiarkan yang berikut atau hanya sebahagian daripadanya:

6.3.1.1 Nama-nama Optometris atau Juruoptik kelulusan yang didaftarkan dan gelaran yang berhubung kepada profesion Optometri/Optikal.

- 6.3.1.2 Nama alamat waktu praktis dibuka dan nombor telefon praktis.
- 6.3.1.3 Deskripsi “pengamal kanta lekap konsultan” untuk Optometris atau Juruoptik dibenarkan untuk memberikan dan preskripsi kanta lekap di bawah Akta tersebut.
- 6.3.1.4 Maklumat pengetahuan yang berhubung-kait profesion Optometri/Optikal

6.4 SURAT-SURAT PERINGATAN DAN SERVIS

Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh menghantar kepada mereka yang pernah diperiksa matanya dalam praktis atau perniagaan mereka surat peringatan ujian penglihatan seterusnya yang mungkin diperlukan. Diutamakan peringatan dihantar di dalam sampul yang bertutup dan tidak mengandungi lain-lain perkara.

6.5 PEKELILING, BUKU KECIL, RISALAH DAN PAMFLET

6.5.1 Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh menghantar kepada mereka yang pernah diperiksa penglihatan atau dibekalkan alat-alat optik dalam praktis atau perniagaannya satu notis untuk makluman mereka.

- 6.5.1.1 perubahan alamat, nombor telefon, waktu buka dan tutup premis atau nama premis
- 6.5.1.2 nama baik yang diterima oleh Optometris, Juruoptik atau badan korporat mengenai praktis atau perniagaannya
- 6.5.1.3 pemindahkan nama baik praktis atau perniagaan kepada Optometris, Juruoptik atau badan korporat lain
- 6.5.1.4 bahawa seorang Optometris, Juruoptik sudah atau akan berhenti atau akan keluar dari menjadi rakan kongsi praktis tersebut.

6.5.2 Seorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh menghantar surat-surat sirkular, buku-buku kecil, risalah atau pamflet kepada pengamal-pengamal perubatan.

6.5.3 Seorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh mengeluarkan secara percuma buku-buku kecil, risalah atau pamflet yang berhubung kait dengan alat-alat optik, profesion Optometri atau Optik dalam bentuk informatif dengan cara:

6.5.3.1 meletakkannya di premis

6.5.3.2 menghantar kepada mereka yang pernah diperiksa mata atau dibekalkan alat-alat optik dalam praktis atau perniagaan mereka

6.5.3.3 menghantar kepada mereka yang meminta

6.6 PAMERAN

6.6.1 Seorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan praktis atau perniagaan mereka.

6.6.1.1 Dalam pameran perniagaan, pertunjukkan fesyen atau pameran yang tidak terbuka kepada orang umum dan hanya berhubung kait dengan kepada pameran peralatan optik secara keseluruhan atau sebahagiannya.

6.6.1.2 Dalam pertunjukkan atau pameran yang lain seperti pameran kerjaya atau pameran keselamatan jalanraya yang bertujuan memberi maklumat kepada orang umum.

6.7 TELEVISYEN, RADIO DAN REDIFUSION

Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat tidak boleh mengiklankan diri dalam sebarang bentuk atau cara di televisyen, radio atau redifusion.

6.8 KAD DISKAUN, PAPAN IKLAN, BANNER

6.8.1 Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat tidak boleh mengeluarkan kad-kad dengan tujuan memberi diskaun atau memburuk-burukkan praktis.

6.8.2 Seorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat tidak boleh mengiklan diri di sebarang papan iklan, kotak iklan atau banner

6.9 BENTUK-BENTUK PENGIKLANAN YANG LAIN

6.9.1 Seseorang Optometris, Juruoptik atau badan korporat tidak boleh mengiklankan diri dipanggung-panggung wayang pita-pita video cakera padat atau dalam apa jua bentuk kenderaan awam dan belon.

7. PENJUALAN ALAT-ALAT OPTIKAL DI TEPI JALAN

7.1 Adalah dianggap tidak wajar bagi Optometris, Juruoptik atau badan korporat untuk terlibat di dalam penjualan alat-alat optik di tepi jalan dari setempat ke tempat lain.